

PERBANDINGAN PANDANGAN ISLAM DAN BARAT BERKAITAN POLIGAMI RASULULLAH SAW

Amirah Salihah Binti Mohamad

Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +60 11-5856 6023 Email: mirahslihah@raudah.usim.edu.my

Nik A'maliin Binti Mohd Rozali

Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +60 14-803 1779 Email: nik.amaliin@raudah.usim.edu.my

Siti Roziah Binti Mohd Nizam

Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +60 16-9001379 Email: sitroziah516@raudah.usim.edu.my

Muhammad Arif Musa

Universiti Sains Islam Malaysia

Tel: +60 13-939 1379 Email: arif@usim.edu.my

ABSTRAK

Poligami telah menjadi topik yang mencetuskan perselisihan fahaman di kalangan masyarakat Islam dan Barat. Hal ini kerana kedua-duanya mempunyai pandangan yang berbeza berkaitan poligami khususnya poligami Rasulullah SAW. Namun, apakah perspektif tersebut, dan apakah faktor budaya, agama, dan sosio-politik yang membentuk kedua-dua perspektif? Berdasarkan persoalan tersebut, kajian ini bertujuan mencapai tiga objektif. Pertama, mengkaji perbandingan antara perspektif Islam dan pengkritik Barat berkaitan poligami Rasulullah. Kedua, meneliti faktor budaya, agama, dan sosio-politik yang mempengaruhi kedua-dua perspektif. Ketiga, memahami kesan perbezaan dalam kedua-dua perspektif terhadap pandangan dan pemahaman tentang poligami Rasulullah. Bagi mencapai kesemua objektif ini, kajian dokumen yang berbentuk kualitatif asas ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah analisis ini dilakukan bagi mengenal pasti, mengumpul dan menganalisis semua dokumen yang berkaitan perspektif Islam dan pengkritik Barat berkaitan poligami Rasulullah. Dapatkan kajian dijangka akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang perbezaan pandangan antara Islam dan pengkritik Barat mengenai poligami Rasulullah. Ia juga berkemungkinan dapat mengemukakan faktor-faktor yang membentuk pandangan tersebut dan memperkuuh pemahaman tentang perbezaan budaya, agama, dan sosio-politik di antara kedua-dua perspektif.

Kata Kunci: Poligami Rasulullah, Perspektif islam, Pengkritik barat, Sosio-politik

1. Pengenalan

Perkahwinan merupakan satu institusi yang diiktiraf secara sosial dan penting untuk mengekalkan kelangsungan manusia melalui perikatan dua individu. Menurut Lucy Mair (1965), perkahwinan merupakan penyatuan seorang lelaki dengan seorang perempuan yang tinggal bersama sebagai suami isteri. Ia turut menjadi institusi sosial yang mengawal hubungan antara lelaki dan wanita serta hubungan mereka dengan masyarakat (Stephen, A., G., & Marvin, K., M. 1988). Kepelbagaiannya budaya dalam setiap masyarakat mengiktiraf institusi perkahwinan ini dengan pelbagai bentuk mengikut budaya masing-masing. Antara kaedah atau bentuk perkahwinan yang selalu dibicarakan dalam masyarakat adalah poligami dan monogami. Menurut kamus dewan edisi keempat, poligami merujuk kepada amalan beristeri lebih daripada satu orang pada masa yang sama dan juga merupakan lawan monogami iaitu melibatkan satu individu untuk mempunyai satu pasangan sahaja. Namun dalam perbahasan poligami ini, munculnya beberapa perspektif yang berbeza antara pandangan ulama Islam dan pengkritik Barat terutama pada kehidupan Nabi Muhammad SAW yang turut mengamalkan poligami tersebut.

Perselisihan pendapat antara pandangan ulama Islam dan pengkritik Barat dalam menilai poligami juga dapat dikaitkan dengan kehidupan zaman Nabi Muhammad SAW yang dilihat poligami bukan merupakan perkara yang asing pada zaman tersebut. Menurut ulama Islam, poligami adalah salah satu sunnah Nabi Muhammad SAW bagi siapa yang mampu dan mempunyai kemaslahatan, peluang dan keadilan dalam keharusan berpoligami. Manakala pengkritik Barat pula mendakwa bahawa poligami yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW adalah perbuatan yang merugikan kaum wanita, keluarga dan masyarakat.

Oleh itu, tajuk ini dipilih sebagai kajian mengenai perspektif islam dan barat dalam memahami konsep poligami yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW serta faktor-faktor yang menyumbang kepada kedua-dua perspektif ini.

2. Metodologi kajian

Artikel ini telah menggunakan pendekatan kualitatif. Kualitatif membawa maksud sesuatu perkara yang dilakukan berdasarkan kualiti atau mutu yang semestinya bukan berdasarkan kuantiti (kuantitatif) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Perbezaan utama antara kajian kualitatif dan kuantitatif ialah kajian kualitatif menggunakan perkataan untuk memahami pengalaman dan sesuatu makna manakala kajian kuantitatif menggunakan angka untuk mengukur dan menganalisis sesuatu perkara. Kajian kualitatif juga bermaksud “satu pendekatan untuk meneroka dan memahami makna yang disifatkan oleh seorang individu atau sekumpulan tentang sesuatu masalah berkaitan kemanusiaan atau sosial (Creswell, 2014)”. Kajian kualitatif juga tertumpu kepada pemahaman terhadap proses manusia dalam menafsirkan pengalaman, membina kehidupan dan makna terhadap pengalaman tersebut (Merriam, 2009).

2.1 Pemilihan sampel kajian

Reka bentuk kajian adalah analisis kandungan. Tujuan analisis kandungan adalah untuk menganalisis dokumen menggunakan pendekatan sistematik untuk menerangkan kandungan komunikasi. Fokus utama adalah untuk mengukur kekerapan dan kepelbagai mesej untuk mengesahkan hipotesis (Merriam, 2009). Dokumen yang dianalisis termasuk artikel, buku, laporan, dan protokol untuk mencapai objektif kajian untuk menyiasat perbandingan pandangan Islam dan Barat tentang poligami Rasulullah Saw.

3. Perbincangan

Kajian ini membincangkan beberapa perkara termasuklah perbandingan antara perspektif Islam dan pengkritik Barat berkaitan poligami Rasulullah, faktor budaya, agama, dan sosio-politik yang mempengaruhi kedua-dua perspektif dan kesan perbezaan dalam kedua-dua perspektif terhadap pandangan dan pemahaman tentang poligami Rasulullah.

3.1 Perbandingan antara perspektif Islam dan orang Barat berkaitan poligami Rasulullah

3.1.1 Perspektif Islam

Dalam pandangan Islam, poligami dianggap sebagai amalan yang dibenarkan dan dianjurkan dalam keadaan tertentu berdasarkan Al-Quran dan Hadis. (Nasohah, 2000, p. 3). Amalan ini dibenarkan dengan syarat-syarat tertentu seperti keadilan dan kemampuan suami untuk memenuhi keperluan

isteri-isterinya. Ini berdasarkan nas al-Quran dan hadis yang menekankan pentingnya berlaku adil. Dalil dari Al-Quran, firman Allah taala dalam surah An Nisa': 3:

وَلَنْ خُثْمٌ لَا تُفْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَإِنْ كَحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ الْبَسَاءِ مَثْلٌ وَّثُلَّتْ وَرُبْعٌ ۝ فَلَنْ خُثْمٌ لَا تَعْدُلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكْتُمْ ۝ إِنَّمَا تُكْفِرُونَ بِالَّذِي لَمْ يَأْتُكُمْ ۝ لِكَ أَدَنَى لَا تَعْوَلُوا ۝

Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki.

Ayat ini menunjukkan bahawa poligami adalah dibenarkan dengan syarat suami dapat melayan semua isterinya secara sama rata. Keadilan di sini merangkumi aspek material dan emosi. Ayat ini juga menunjukkan bahawa Islam tidak melarang poligami, namun tidak membiarkannya dilakukan secara bebas. Hal ini kerana dalam Islam telah disyariatkan bahawa poligami dihadkan maksimal empat orang isteri sahaja. Hal ini bertepatan dengan riwayat Imam Abu Daud rahimahullah (no.2241. juzu' 2. Hlm 272) dengan sanadnya bahawa 'Umairoh Al-Asadi berkata:

"Aku masuk Islam dan memiliki 8 orang isteri, lalu aku sampaikan hal ini kepada Nabi dan beliau pun bersabda: 'pilihlah empat di antara mereka.'"

Poligami Rasulullah SAW telah dijadikan sebagai cerminan dalam Islam. Pada dasarnya alasan Rasulullah SAW berpoligami adalah bertujuan untuk membantu janda-janda dan anak yatim untuk berjuang di jalan Allah. Baginda telah mengamalkan monogami lebih lama berbanding poligami. Hal ini dapat dilihat daripada perkahwinan baginda bersama Siti Khadijah r.a. yang mana poligami tidak dilakukan pada ketika itu. Malah, pernikahan monogami tersebut telah berlangsung selama 25 tahun (ada juga riwayat yang menyatakan 28 tahun) berbanding dengan poligami baginda yang hanya berlangsung selama 13 tahun.

Poligami yang telah diamalkan oleh Rasulullah telah diteruskan oleh sahabat dan tabiin. Hal ini kerana mereka berpendapat bahawa amalan tersebut sebagai suatu perkara yang baik dan tidak bertentangan dengan syariat Islam. Pada ketika itu juga, imam-imam Mujtahid di seluruh negara Islam turut memperakui pensyariatan tersebut.

Syariat telah menggariskan peraturan dan justifikasi poligami, menekankan aspek tanggungjawab dan keadilan yang perlu ditunaikan oleh suami yang berpoligami (Abdullah, 2019, p. 1). Perspektif ini melihat poligami sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah sosial seperti menjaga kebijakan wanita dan anak yatim serta mengawal nafsu lelaki.

3.1.2 Perspektif Barat

Sebaliknya, pandangan Barat banyak dipengaruhi oleh kesaksamaan gender dan hak asasi manusia. Mereka cenderung melihat poligami sebagai amalan yang menindas wanita serta perbuatan yang mengundang ketidakadilan. Terdapat beberapa tuduhan yang dibuat orang Barat mengenai poligami Rasulullah. Antaranya termasuklah:

1. Nabi dianggap gila seks kerana menikahi banyak wanita (poligami).

Pengkritik Barat menyatakan Rasulullah SAW sebagai gila seks kerana baginda telah menikah dengan banyak wanita (Spencer, 2006). Hal ini sememangnya satu pernyataan yang tidak benar. Hal ini dapat dibuktikan dengan beberapa perkara termasuklah pertama, Rasulullah telah menikahi Khadijah pada umurnya 25 tahun manakala Khadijah pula pada ketika itu telah mencapai 40 tahun. Sewaktu, perkahwinan baginda dan Khadijah, baginda tidak pernah berpoligami sehingga Khadijah wafat. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa Rasulullah SAW bukanlah gila seks kerana baginda hanya mengahwini wanita yang jauh umurnya daripada baginda serta mempunyai satu isteri pada ketika itu. Kedua, Rasulullah SAW tidak menikahi anak dari kecuali Aisyah. Ketiga, setelah Rasulullah diutus oleh Allah menjadi Rasul, baginda sangat sibuk dengan urusan dakwah. Malah, sewaktu luang, baginda menggunakan untuk melakukan ibadah. Maka, tidak mungkin baginda boleh menjadi seorang yang gila seks.

2. Pernikahan Nabi Muhammad SAW dengan Zainab binti Jahsy.

Tuduhan lain yang dibuat oleh pengkritik Barat adalah mereka menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW terpegun dengan kecantikan Zainab binti Jahsy lalu meminta Zaid bin Haritsah (Muir, 1861). Lalu, menceraikan isterinya walhal Zaid merupakan anak angkat baginda (Al-Qasim, 2010). Pengkritik Barat berpendapat bahawa Nabi Muhammad adalah seorang yang bernafsu tinggi yang menyukai banyak wanita.

Tuduhan ini sememangnya satu pernyataan yang salah. Hal ini kerana peristiwa yang dinyatakan adalah tidak benar. Pada ketika itu, Zaid bin Haritsah yang ingin menceraikan Zainab. Namun, baginda SAW menyarankannya agar tetap mempertahankan perkahwinan tersebut. Hal ini telah dijelaskan dalam firman Allah dalam surah Al Ahzab: 37:

وَإِذْ تَقُولُ لِلَّذِي أَعْنَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَأَنْعَمْتَ عَلَيْهِ أَمْسِكَ رَزْوَجَكَ وَأَنْقَى اللَّهُ وَثْخَفْيٌ فِي تَفْسِيرِ مَا اللَّهُ مُبِدِّيْهُ وَتَحْشِيَ النَّاسَ

وَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ تَحْشِيَ

Maksudnya: Dan (ingatlah), ketika kamu berkata kepada orang yang Allah telah melimpahkan nikmat kepadanya dan kamu (juga) telah memberi nikmat kepadanya: "Tahanlah terus isterimu dan bertakwalah kepada Allah", sedang kamu menyembunyikan di dalam hatimu apa yang Allah akan menyatakannya, dan kamu takut kepada manusia, sedang Allah-lah yang lebih berhak untuk kamu takuti. (Al-Asqalani, 2015).

Para ulama telah menjelaskan bahawa antara hikmah pernikahan Nabi Muhammad SAW dengan Zainab adalah menyangkal status anak angkat yang ada pada zaman jahiliyah. Hal ini kerana pada waktu itu mereka menganggap status anak angkat sama dengan anak kandung yang menjadikan hukum perkahwinan dengan bekas isteri mereka adalah haram. Oleh itu, perkahwinan ini menunjukkan bahawa perkahwinan dengan bekas isteri anak angkat adalah dibenarkan malah turut membuktikan bahawa status anak angkat dan anak kandung adalah berbeza.

3. Pernikahan Nabi Muhammad dengan Saudah

Pengkritik Barat, seperti David Samuel Margoliouth (1905), berpendapat bahawa Nabi Muhammad SAW merasa bosan dengan Saudah binti Zam'ah dan oleh itu hanya menghabiskan waktu malamnya dengan Aisyah. Pandangan ini sangat kritis dan negatif, namun tidak benar serta dapat dibuktikan oleh penjelasan Ibnu Kathir (2008). Menurut Ibnu Kathir (2008), pada ketika itu Saudah semakin tua dan khuatir akan diceraikan oleh Rasulullah SAW, maka dia berkata, "Wahai Rasulullah, bahagianku (malam) untuk Aisyah." Rasulullah SAW menerima tawaran tersebut. Setelah itu turunlah surah An-Nisa': 128

وَإِنْ أُمْرَأٌ حَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوزًا أَوْ إِعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ

Maksudnya: Dan jika seorang wanita khuatir akan nusyuz atau sikap acuh dengan suaminya, maka tidak mengapa bagi keduanya mengadakan perdamaian yang sebenarnya, dan perdamaian itu lebih baik (bagi mereka).

3.1.3 Perbandingan antara kedua-dua perspektif

Kedua-dua perspektif ini membawa kepada pemahaman yang berbeza tentang poligami. Dalam masyarakat yang berpegang kepada pandangan Islam, poligami boleh diterima dan diamalkan dengan penuh yakin akan kesahihannya. Manakala, bagi mereka yang berpegang pada pandangan pengkritik barat, mereka akan menolak untuk berpoligami. Hal ini kerana mereka mengaitkan poligami dengan masalah sosial seperti penceraian, keganasan rumah tangga, dan masalah psikologi dalam kalangan anak-anak (Tubah, 2006).

Kesannya, berlaku penolakan yang berleluasa terhadap poligami dalam masyarakat Barat. Poligami dianggap sebagai bentuk perkahwinan yang tidak adil dan menindas nilai-nilai moden kesaksamaan dan hak asasi manusia. Apabila dalam masyarakat terdedah kepada pandangan kritis, poligami mungkin ditolak atau dipertikaikan sebagai amalan yang tidak selari dengan prinsip keadilan dan kesaksamaan gender.

3.2 Faktor budaya, agama, dan sosio-politik yang mempengaruhi kedua-dua perspektif

Perspektif dunia dan masyarakat terhadap penerimaan poligami adalah sangat berbeza. Sesetengah budaya dan agama menerima poligami sebagai perkara yang baik, sementara yang lain menolak poligami yang dianggap mendatangkan banyak keburukan dari kebaikan. Islam dan barat adalah dua contoh utama yang berbeza dalam perspektif serta penerimaan masing-masing terhadap poligami. Faktor-faktor seperti budaya, agama dan sosio-politik juga sangat mempengaruhi kedua-dua perspektif tersebut.

3.2.1 Faktor budaya

Budaya merupakan pengaruh yang sangat besar dalam pemahaman serta perspektif islam dan barat terhadap poligami. Sebelum kedatangan islam, poligami merupakan perkara yang diterima baik oleh setiap masyarakat pada zaman tersebut bahkan mereka mengamalkannya tanpa halangan. Suku-suku bangsa di Afrika, Australia serta Mormon di Amerika juga mengamalkan poligami yang juga menjadi kebiasaan dalam kehidupan mereka (Budihardjo, 2021). Hal ini kerana masyarakat pada zaman tersebut memandang poligami sebagai salah satu cara untuk mengukuhkan lagi ikatan sosial dan ekonomi antara keluarga. Namun setelah perutusan Nabi Muhammad SAW sebagai nabi terakhir di negara arab, poligami dalam islam tidak diharamkan secara mutlak, tetapi dengan bersyarat iaitu suami mampu memberi nafkah dan berlaku adil kepada setiap isteri.

Sebaliknya di barat yang majoriti masyarakat mereka menganut agama Kristian, monogami adalah satu satunya bentuk perkahwinan yang diterima dengan meluas. Kebiasaan dan adat nenek moyang terhadap monogami dipertahankan dalam masyarakat barat yang juga dipercayai merupakan warisan paganisme (agama berhala) pada zaman dahulu. Menurut Muhammad Abduh, masyarakat barat sentiasa menjunjung tinggi tradisi dan pengalaman keagamaan mereka serta cenderung dalam menekankan nilai individualisme serta kebebasan diri yang jelas bertentangan dengan amalan poligami.

3.2.2 Faktor agama

Agama juga tidak lepas sebagai salah satu faktor utama dalam membentuk perspektif serta pandangan islam dan barat terhadap poligami. Islam dalam poligami diizinkan dengan syarat-syarat tertentu seperti yang dikhaskan dalam Al-Quran Surah An-Nisa ayat 3 bahawa diizinkan seorang Muslim untuk berkahwin hingga empat wanita dan mestilah berlaku adil terhadap semua isteri mereka. Hadis-hadis Nabi Muhammad SAW juga banyak membincarkan tentang amalan poligami di samping menekankan keadilan dan kesejahteraan isteri-isteri. Dalam kajian yang bertajuk "*Analisis hadith-hadith berkaitan poligami*" dari penulis Zulkifli juga mengatakan bahawa poligami dalam islam dipandang sebagai solusi atau penyelesaian masalah sosial seperti perlindungan terhadap wanita yatim dan janda. Ini dapat dibuktikan dengan kebanyakkan isteri-isteri Nabi Muhammad SAW kecuali Aishah merupakan janda yang kematian atau diceraikan. Hal ini menjelaskan bahawa poligami yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW mengandungi matlamat dan tujuan tertentu seperti membela janda serta anak-anak yatim di samping membangunkan kekuatan umat islam.

Di sisi yang lain pula, pengaruh agama Kristian yang kuat dalam penegasan pernikahan monogami amat ditegaskan dalam agama mereka. Di dalam Bible terdapat tiga kenyataan yang membincarkan tentang monogami atau berkahwin satu iaitu kenyataan yang pertama dicatat dalam Perjanjian Lama (Genesis: 24) manakala yang kedua dalam Perjanjian Baru (Timothy: 12 dan Mathew: 5). Walau bagaimanapun, ayat-ayat yang tercatat dalam Bible tersebut pada hakikatnya tidak menyebut larangan terhadap poligami secara literal malah secara umum sahaja. Ajaran gereja di barat juga menyatakan bahawa asas monogami merupakan produk dan falsafah agama yang menjadikan monogami sebagai pembersihan jiwa seseorang dari kemungkinan melakukan dosa akibat pelacuran sekaligus menyempitkan bentuk perkahwinan masyarakat barat sesederhana mungkin.

3.2.3 Faktor sosio-politik

Perspektif islam dan barat juga turut dipengaruhi oleh faktor sosio-politik masyarakat dan politik setempat. Dalam negara islam, hukum pernikahan telah diatur oleh syariat islam yang mencerminkan nilai-nilai agama serta memastikan keadilan terlaksana. Menurut Prof. Mahmoed Syaltut, sejak permulaan islam, poligami adalah dibolehkan (mubah) selama tidak dibimbangkan terjadinya penganiayaan. Jika dibimbangkan terjadinya penganiayaan, maka wajiblah seorang suami mencukupkan seorang isteri sahaja. Namun, pengaruh kolonialisme di beberapa negara islam telah mempengaruhi sesetengah pandangan terhadap poligami sama ada dalam kalangan masyarakat atau tokoh-tokoh islam serta ulama setempat.

Di barat, hukum dan undang-undang melarang amalan poligami serta mengakui pernikahan ini sebagai bentuk bigami yang menyalahi undang-undang. Hukum ini didasarkan pada prinsip-prinsip kesamaan jantina dan hak asasi manusia yang menganggap poligami dapat menyebabkan ketidakadilan dan eksplorasi terhadap wanita. Gerakan feminism di barat juga memainkan peranan penting dengan memperjuangkan hak (emansipasi) tersebut. Mereka juga menganggap bahawa institusi poligami ini meragut hak-hak mereka serta merendahkan taraf wanita daripada lelaki.

Perspektif tentang amalan poligami dalam Islam dan Barat banyak dipengaruhi oleh faktor budaya, agama dan sosio-politik masyarakat setempat. Dalam Islam, poligami diatur oleh prinsip-prinsip agama yang menitik beratkan keadilan dan tanggungjawab manakala di Barat pula melarang poligami serta mengamalkan budaya dan hukum monogami. Faktor-faktor tersebut memberikan pemahaman yang jelas terhadap dinamika pernikahan dalam pelbagai konteks agama, budaya dan sosio-politik. Analisis ini dapat dilihat sebagai sejarah bagaimana nilai-nilai yang berbeza dapat membentuk pelbagai perspektif serta penerimaan poligami di seluruh dunia.

3.3 Kesan perbezaan dalam kedua-dua perspektif terhadap pandangan dan pemahaman tentang poligami Rasulullah

3.3.1 Penerimaan Masyarakat

Dalam masyarakat Islam, poligami lebih diterima dan difahami sebagai sebahagian daripada tradisi dan syariat. Poligami dianggap baik bagi wanita dalam keadaan tertentu, asalkan suami mengikuti prinsip keadilan dan kemampuan yang dipenuhi oleh suami dalam perkahwinan. Sebaliknya, dalam masyarakat Barat, poligami sering ditolak dan dikritik, menyebabkan pandangan negatif terhadap mereka yang mengamalkannya.

3.3.2 Hak Wanita

Dari perspektif Islam, poligami dianggap sebagai cara untuk melindungi wanita dan memastikan perlindungan terhadap janda dan anak yatim, terutama mereka yang memerlukan sokongan. Sebaliknya, dari perspektif Barat, poligami cenderung dipandang secara negatif dan melanggar prinsip kesaksamaan gender dan sering dianggap sebagai satu bentuk penindasan terhadap wanita.

3.3.3 Undang-undang

Di negara majoriti Islam, poligami dibenarkan dalam keadaan tertentu, seperti kemampuan kewangan oleh si suami dan layanan adil terhadap isteri-isteri. Manakala, ianya berbeza dengan negara-negara Barat umumnya melarang atau tidak mengiktiraf poligami. Undang-undang negara ini mencerminkan nilai dan budaya yang menekankan monogami sebagai norma perkahwinan mereka.

4. Kesimpulan

Perbandingan pandangan Islam dan Barat berkenaan poligami khususnya dalam konteks kehidupan Nabi Muhammad menunjukkan perbezaan asas yang mencerminkan nilai budaya dan sosial masing-masing. Dalam Islam, poligami dibenarkan di bawah syarat berlaku adil dan tanggungjawab yang ketat, bertujuan untuk mengatasi masalah sosial seperti melindungi baliu dan anak yatim, dan mencegah zina.

Beberapa pandangan Barat mengaitkan poligami dengan masalah sosial seperti perceraian, keganasan rumah tangga, dan masalah kesihatan mental kanak-kanak. Perbandingan ini menunjukkan

bahawa perbezaan pandangan Islam dan Barat terhadap poligami Rasulullah SAW mencerminkan perbezaan asas dalam nilai budaya dan agama. Dalam Islam, poligami diterima sebagai sebahagian daripada tradisi dan syariah, dengan syarat-syarat tertentu untuk menjamin keadilan.

Hikmah amalan ini termasuklah menyelesaikan masalah sosial, menguruskan hal keluarga dengan adil, dan menjaga kesucian perhubungan. Rasulullah SAW memberi contoh yang terbaik dalam melaksanakan poligami secara adil dan bijaksana. Sebaliknya, pandangan Barat cenderung menolak poligami, memandangnya sebagai satu bentuk penindasan terhadap wanita dan pencabulan hak asasi manusia, berdasarkan prinsip monogami dan kesaksamaan gender. Pandangan ini mencerminkan nilai kebebasan individu dan keadilan gender yang berpengaruh dalam masyarakat Barat.

Syariat ini berlandaskan undang-undang dan mementingkan kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Semua peraturan syariat ini adalah tentang keadilan, cinta, hikmah dan kebijaksanaan. Apa sahaja yang menyimpang daripada garis panduan keadilan membawa kepada ketidakadilan. Poligami adalah salah satu hukum Allah SWT sebagaimana hukum-hukum yang lain. Namun, tidak semua orang yang berpoligami akan merasai kegembiraan dan manfaat yang besar dalam hidup mereka.

Oleh itu, adalah penting untuk memahami sejarah dan budaya setiap perspektif, serta menghayati hikmah dan tujuan di sebalik amalan poligami dalam Islam. Pengkaji membuat kajian mengenai perbandingan pandangan Islam dan Barat berkaitan poligami Rasulullah SAW satu bentuk usaha untuk mengurangkan salah tanggapan yang boleh membantu merapatkan perbezaan pandangan ini dan mewujudkan pemahaman yang lebih baik.

5. Rujukan

- Abdullah, R.H. (2019). *Merisik Fakta Poligami*. Kedah: UUM Press Universiti Utara Malaysia.
- Abi Daud. T.t.*Sunan Abi Daud*. Al- maktabah Al-Ashriyah. Bairut.
- Ali Imran Sinaga, D.M. (2023). *Poligami Dalam Perspektif Islam: Sebagai Sarana Pelaksanaan Maqasid Al Syari'ah*, 3.
- Al-Asqalani, A. H. (2015) *Fathul Bari*. Kairo: Maktabah as-Salafiyyah.
- Al-Qasim, K. A. (2010) *Muftarayat wa Akhtha' Dairah al-Ma'arif al-Islamiyyah al-Istisyraqiyah*.
- Ibnu Katsir. (2008) *Tafsir al-Quran al-Adzhim*. Dar at-Thayibah.
- Budihardjo. Rohmah, N. F. (2021). *Praktik Pernikahan Poligami Dalam Pandangan Hukum Islam Dan Hukum Negara*. Profetika: Jurnal Studi Islam.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Kamus Dewan. (4th ed.). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: John Wiley & Sons, 2009.
- Margoliouth, D. S. (1905). *Mohammed and the rise of Islam*. G.P. Putnam's Sons.
- Minhaji. (2019). *Monogami dan Poligami dalam Islam (Perspektif Sejarah-Sosial Hukum Islam)*.
- Muir, W. (1861). *The life of Mahomet* (Vol. 3). Smith, Elder & Co.
- Nasohah, Z. (2000). *Poligami Hak Keistimewaan Menurut Syariat Islam*. Kuala Lumpur: PERCETAKAN CERGAS (M) SDN. BHD.
- Nugroho, R.S. (2022). *KONSEP POLIGAMI DALAM PERSPEKTIF PENDIDIKAN ISLAM*. Journal Islamic Education, 41.

- Spencer, R. (2006). *The truth about Muhammad: Founder of the world's most intolerant religion.* Regnery Publishing.
- Tubah, A.R. (2006). *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru.* Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd Terbitan Pertama 2006.
- Yusof, Z. (2018). *Analisis Hadith-Hadith Berkaitan Poligami: Kajian Terhadap Pengamalannya Dalam Kalangan Pasangan Terpilih Di Selangor.*